

Untung RM120,000 sebulan

Sindiket jual jersi jenama tiruan dalam talian tumpas

Oleh Dziyaul Afnan
Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Kangar

Baru berusia 26 tahun, namun lelaki ini dikesan memperoleh sehingga RM120,000 sebulan hasil jualan jersi jenama tiruan secara dalam talian di daerah ini.

Perkara itu terbongkar selepas sepasukan pengukuasaan KPDNHEP Perlis, Mohamad Amir Abdullah berkata, pihaknya menahan lelaki itu bersama lima pekerja termasuk empat wanita berusia 26 hingga 35 tahun dalam serbuan jam 11.30 pagi.

Bukit Kayang di sini, semalam.

Rumah itu dipercayai dijadikan pusat pengumpulan dan pengedaran jersi jenama tiruan oleh lelaki itu yang mengetuai sindiket dalam talian terbesar di wilayah utara.

Ketua Pegawai Penguasaan KPDNHEP Perlis, Mohamad Amir Abdullah berkata, pihaknya menahan lelaki itu bersama lima pekerja termasuk empat wanita berusia 26 hingga 35 tahun dalam serbuan jam 11.30 pagi.

"Kami merampas 2,212 jersi tiruan pelbagai jenama

bernilai RM183,000 bersama mesin elektronik beberapa unit komputer, mesin pencetak dan mesin mengecop.

"Sindiket dipercayai aktif sejak 2015 dengan menjual jersi pasukan bola sepak tiruan pelbagai negara Eropah dan Asia menerusi Facebook dan Instagram.

"Kami memerhatikan sindiket ini sejak sebulan lalu melalui risikan dalaman dan percaya mereka antara sindiket terbesar di utara Semenanjung," katanya.

Mohamad Amir berkata, semua jersi terbabit dijual kepada pelanggan pada harga RM50 sehingga RM100

sehingga bergantung kepada jenis pasukan bola sepak.

"Suspek mengaku melakukan banyak transaksi dengan menghantar jersi yang ditimpah ke seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

"Semua barang rampasan dibawa ke ibu pejabat manakala suspek ditahan untuk mendapatkan perintah reman, esok (hari ini)," katanya.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 102(1) (c) Akta Cap Dagangan 2019 dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda dan penjara.

